KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PANDUAN DAN PROSEDUR VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA

**Edisi Kedua (2022)**

***Authors :***
*Dr Nor Saleha Ibrahim Tamin
*KJ Khursiah Ahmad Razalli
*Dr Siti Norain Sallahuddin
** En Kamal Syukri bin Ibrahim
* Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, KKM
**Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

**Diterbitkan oleh** :
Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya
http://www.moh.gov.my

Edisi kedua 2022

Cadangan rujukan:
Kementerian Kesihatan Malaysia. Panduan dan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Di Malaysia Edisi 2, 2022

Hakcipta © Kementerian Kesihatan Malaysia

e ISBN 978-967-2469-47-6

9 7 8 9 6 7 2 4 6 9 4 7 6

# PENGHARGAAN

1. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Kesihatan Awam)
   Kementerian Kesihatan Malaysia

3. Pengarah Kawalan Penyakit
   Kementerian Kesihatan Malaysia

4. Pengarah Kesihatan
   Jabatan Kesihatan Negeri

5. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pengurusan Maklumat

6. Timbalan Pengarah Pusat Informatik Kesihatan
   Kementerian Kesihatan Malaysia

7. Pengarah Institut Kesihatan Umum
   Kementerian Kesihatan Malaysia

8. Pegawai Epidemiologi NCD Negeri

9. Jabatan Pendaftaran Negara

10. Jabatan Perangkaan Malaysia

# KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN ..................................................................... i

SINGKATAN ..................................................................... iii

**BAB 1: PANDUAN DAN PROSEDUR VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA** ..................................................................... 1

1. PENGENALAN ..................................................................... 1

2. OBJEKTIF GARIS PANDUAN ..................................................................... 3

3. KANDUNGAN GARIS PANDUAN ..................................................................... 3

4. PELAKSANAAN PROSEDUR ..................................................................... 4

4.1 TAJUK PROSEDUR ..................................................................... 4

4.2 DEFINISI PROSEDUR ..................................................................... 4

4.3 OBJEKTIF PROSEDUR ..................................................................... 5

4.4 UNDANG-UNDANG BERKAITAN ..................................................................... 5

4.5 ANGGOTA YANG TERLIBAT ..................................................................... 5

4.5.1 Peringkat KKM ..................................................................... 5

4.5.2 Peringkat Negeri ..................................................................... 5

4.5.3 Peringkat Daerah / Kawasan / Bahagian ..................................................................... 6

4.5.4 Peringkat Klinik Kesihatan ..................................................................... 6

4.6 KAEDAH PELAKSANAAN ..................................................................... 6

4.6.1 Perincian bagi setiap modul ..................................................................... 7

1) Modul 1 : Modul Muat Naik ..................................................................... 7

2) Modul 2 : Modul Siasatan ..................................................................... 8

3) Modul 3 : Modul Muat turun ..................................................................... 11

4) Modul 4 : Modul Laporan ............................................. 11

4.7 CARTA ALIR PROSES VERIFIKASI DATA KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN .................................... 12

5. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB ................................................ 13

5.1 Pengarah Kawalan Penyakit / Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (PTB) ....................................................................... 13

5.2 Unit Pencegahan dan Kawalan Penyakit Kanser, Cawangan NCD, Bahagian Kawalan Penyakit, Ibu Pejabat KKM (IPKKM) .... 13

5.3 Timbalan Pengarah Pusat Informatik Kesihatan (PIK) ........ 17

5.4 SUB Bahagian Pengurusan Maklumat ................................ 18

5.5 Pegawai Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat KKM ................ 18

5.6 Pengarah Institut Kesihatan Umum (IKU) ........................... 19

5.7 Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) 19

5.8 Pegawai Epidemiologi NCD Negeri .................................... 19

5.9 Pegawai Kesihatan Primer Negeri ..................................... 20

5.10 Pegawai Kesihatan Daerah/Kawasan/Bahagian ................ 20

5.11 Pegawai Perubatan Yang Menjaga Program (Penyelaras) di PKD/PKB/PKK .............................................................................. 22

5.12 Pakar Perubatan / Pegawai Perubatan / Pegawai Kesihatan Daerah yang telah dilatih dan dilantik untuk menentukan penyebab kematian paling wajar (Pegawai Penentu) ................ 23

5.13 Pakar Perubatan / Pegawai Perubatan / Pegawai Kesihatan Daerah bertindak sebagai Pegawai Pengesah untuk mengesahkan sebab kematian yang telah ditentukan oleh Pegawai Penentu ........................................................................ 23

5.14 Pegawai Perubatan / Penolong Pegawai Perubatan / Jururawat Terlatih ..... 24

5.15 Penyelia Jururawat ..... 24

5.16 Jururawat Masyarakat / Pembantu Kesihatan Awam ..... 24

6. RETEN ..... 25

7. SISTEM ATAS TALIAN VERIFIKASI DATA KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN (VeDa) ..... 25

8. SENARAI RUJUKAN ..... 26

**BAB 2: MANUAL PENGGUNA BAGI SISTEM VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA (VeDa)** ..... 27

1. Peranan Pengguna di Pejabat Kesihatan Daerah /Kawasan / Bahagian (PKD/PKK/PKB) dan Klinik Kesihatan (KK) ..... 27

2. Carta Alir Modul Tugasan di PKD/PKK/PKB ..... 28

3. Carta Alir Modul Tugasan di Klinik Kesihatan (KK) ..... 29

4. Capaian ke Sistem VeDa ..... 30

5. Tatacara Log Masuk / Tukar Kata Laluan / Lupa Kata Laluan ..... 31

5.1 Log Masuk ..... 31

5.2 Tukar Kata Laluan ..... 32

5.3 Lupa Kata Laluan ..... 33

5.4 Log Keluar ..... 35

6. Tatacara Pengguna di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ..... 36

6.1 Muat Naik Kes ..... 36

6.2 Jana Laporan ..... 37

7. Tatacara Pengguna di Pusat Informatik Kesihatan (PIK), KKM ..... 37

7.1 Muat Turun Kes ........................................................................37
7.2 Agih Kes ..................................................................................38
7.3 Keputusan Kes ..........................................................................40
8.Tatacara Modul Siasatan...............................................................43
8.1 Agih Kes ..................................................................................46
8.2 Pindah Kes ...............................................................................48
8.3 Siasat Kes.................................................................................49
9.Tatacara Modul Siasatan Atas 12 Tahun..........................................49
10. Tatacara Modul Siasatan Bawah 12 Tahun ....................................59
11.Tatacara Pegawai Penentu *Cause of Death* (COD) MO1...............65
12.Tatacara Pegawai Pengesah *Cause of Death* (COD) FMS/MO2 ....68
13.Tatacara Pengguna di Jabatan Perangkaan Negara (DOSM) ........71
14.Bagaimana Menjana Laporan........................................................72
13.1 Bahagian Kawalan Penyakit (BKP) ...........................................72
13.2 Pusat Informatik Kesihatan (PIK) ..............................................75
13.3 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)................................................76
13.4 Pejabat Kesihatan Daerah/Kawasan/Bahagian ..........................77
13.5 Klinik Kesihatan (KK) ...............................................................78
13.6 Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)............................................79
13.7 Jabatan Perangkaan Negara (DOSM) ........................................80
15.Bagaimana Melihat Sejarah Kes ....................................................80
GLOSARI.........................................................................................82
LAMPIRAN ......................................................................................84

# KATA-KATA ALUAN



Statistik sebenar kematian yang disahkan secara perubatan amat penting bagi membolehkan Malaysia mengenal pasti kadar kematian sebenar yang diakibatkan oleh penyakit-penyakit tertentu. Statistik ini juga diperlukan untuk tujuan pemantauan indikator penyakit seperti penyakit-penyakit kronik di peringkat kebangsaan dan global di mana *United Nation* (UN) melalui *Sustainable Development Goals* (SDG) meletakkan sasaran untuk menurunkan satu per tiga kadar kematian pra-matang akibat penyakit tidak berjangkit pada tahun 2030.

Pada tahun 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia telah melaporkan sebanyak 48.5% dari kematian yang didaftarkan di Malaysia adalah merupakan kematian yang tidak disahkan secara perubatan. Daripada jumlah kematian ini, hampir 60% dilaporkan 'sakit tua' sebagai penyebab kematian utama. Kajian *Determination of Cause of Deaths in Malaysia* yang telah dijalankan oleh Institut Kesihatan Umum (IKU) pada tahun 2013-2016 mendapati verifikasi data penyebab kematian berdasarkan temuramah menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada WHO serta divalidasikan untuk kegunaan di Malaysia telah berjaya menambah baik laporan kematian yang tidak disahkan secara perubatan dan menurunkan peratusan *ill-defined cause of death* daripada 66.4% kepada 25.4%.

Hasil dari kajian tersebut, pada tahun 2017 Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil inisiatif dan memulakan program Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan sebagai satu program bagi menambah baik peratus Kematian Disahkan Secara Perubatan di Malaysia. Kerjasama yang baik telah diperoleh daripada Jabatan Pendaftaran Negara

dan Jabatan Perangkaan Malaysia dalam melaksanakan Program ini. Program yang dilaksanakan berjaya meningkatkan peratus Kematian Disahkan Secara Perubatan dari 52.8% pada tahun 2016 kepada 57.9% pada tahun 2017 dan seterusnya 68.2% pada tahun 2018. Berikutan dengan berlakunya pandemik Covid-19, peratus ini menurun kepada 62.8% pada 2019. Peratus ini meningkat kepada  65.6% pada tahun 2020[4].

Bagi memudahkan urusan pelaksanaan dan pemantauan, Kementerian Kesihatan telah menjadikan program ini sebagai satu sistem atas talian yang dikenali sebagai VeDa. Buku "Panduan dan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Di Malaysia Edisi 2' ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada semua anggota yang terlibat dalam melaksanakan sistem ini. Saya pasti pelaksanaan sistem ini mampu menambah baik statistik kematian disahkan secara perubatan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



**(DATUK DR CHONG CHEE KHEONG)**
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

# SINGKATAN

| | |
|---|---|
| DOSM | *Department of Statistics Malaysia* (Jabatan Perangkaan Malaysia) |
| IKU | Institut Kesihatan Umum |
| IPKKM | Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia |
| JKN | Jabatan Kesihatan Negeri |
| JM | Jururawat Masyarakat |
| JPN | Jabatan Pendaftaran Negara |
| KKM | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| NCD | *Non-Communicable Disease* |
| PIK | Pusat Informatik Kesihatan |
| PKA | Pembantu Kesihatan Awam |
| PKD | Pejabat Kesihatan Daerah |
| PKN | Pengarah Kesihatan Negeri |
| PPP | Penolong Pegawai Perubatan |
| WHO | *World Health Organization* (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) |

# BAB 1: PANDUAN DAN PROSEDUR VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA

## 1. PENGENALAN

Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Di Malaysia telah mula dilaksanakan di seluruh negara bermula dari 1 Oktober 2017 dengan tujuan untuk meningkatkan peratus kematian yang disahkan secara perubatan (*Medically Certified Death* – MCD) dan secara langsung menambah baik pelaporan statistik sebab kematian di Malaysia. Verifikasi data ini dilakukan kepada kes-kes kematian berlaku di luar premis kesihatan (hospital) dan disahkan oleh pihak Polis.

Seiring dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju, sistem laporan dan pendaftaran kematian yang sistematik dan terperinci diperlukan bagi membolehkan statistik kematian sebenar negara ini diperoleh. Di samping itu, statistik sebenar kematian yang disahkan secara perubatan amat penting bagi membolehkan Malaysia mengenal pasti kadar kematian sebenar yang diakibatkan oleh penyakit-penyakit tertentu. Statistik ini juga diperlukan untuk tujuan pemantauan indikator penyakit seperti penyakit-penyakit kronik di peringkat kebangsaan dan global. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), telah meletakkan sasaran untuk menurunkan kadar kematian pra-matang sebanyak 25% pada tahun 2025. Di samping itu, *United Nation*, melalui *Sustainable Development Goals* (SDG) mensasarkan penurunan satu per tiga kematian pra-matang akibat NCD pada

tahun 2030. Justeru itu, Malaysia perlu mempunyai statistik dan kadar kematian yang lebih tepat bagi membolehkan Malaysia memberi maklum balas kepada agensi-agensi ini kelak.

Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan yang dijalankan pada tahun 2017 berjaya meningkatkan peratus MCD daripada 52.8% pada tahun 2016 kepada masing-masing 57.9% dan 68.2% pada tahun 2017(1) dan 2018(2). Berikutan dengan berlakunya pandemik Covid-19, peratus ini menurun kepada 62.8% pada 2019(3). Ia meningkat sedikit kepada 65.6% pada tahun 2020(4). Bagi kes-kes yang tidak disahkan secara perubatan (*Non-Medically Certified Death* – NMCD). majoriti sebab kematian dilaporkan masih lagi seperti sebelum ini iatu 'sakit tua'.

Dalam menjalankan verifikasi data penyebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan, kerjasama berterusan terutamanya antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) amat diperlukan. Di samping itu Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut memainkan peranan penting dalam menerbitkan statistik sebab kematian di Malaysia dengan memasukkan data-data yang diperolehi dari Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan dalam analisa.

Verifikasi data penyebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan dilaksanakan bertujuan untuk menambah baik pelaporan penyebab kematian bagi kematian-kematian yang berlaku di luar premis kesihatan (hospital) dan tidak bertujuan untuk mengubah mana-mana Akta sedia ada, tidak boleh

digunakan untuk mengubah penyebab kematian sedia ada dalam pendaftaran di JPN dan tidak boleh digunakan untuk kes-kes mahkamah.

Prosedur Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia telah dilaksanakan secara manual dengan baik sejak ia mula dijalankan pada tahun 2017. Diperingkat lapangan prosedur ini lebih dikenali sebagai *Verbal Autopsy* iaitu nama yang digunakan di peringkat antarabangsa.

Selaras dengan wawasan kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang effektif dan efisien, bagi memperkukuhkan pelaksanaan program, KKM telah membangunkan sistem atas talian yang dikenali sebagai Sistem VeDa (**Ve**rbal Autopsy **Da**ta) bagi menggantikan pelaksaan pengumpulan dan perkongsian data secara manual.

## 2. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Objektif garis panduan ini adalah untuk memberi panduan kepada semua pegawai dan anggota yang terlibat dalam proses verifikasi data penyebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan di semua peringkat di lapangan.

## 3. KANDUNGAN GARIS PANDUAN

Buku panduan ini mengandungi penerangan tentang tatacara bagaimana verifikasi data-data kematian yang tidak disahkan

secara perubatan dilakukan setelah data-data tersebut diterima dari JPN.

Tatacara ini merangkumi perkongsian data antara JPN, KKM serta DOSM dan kaedah siasatan termasuk penentuan sebab kematian paling wajar yang perlu dilakukan.

Buku panduan ini juga mengandungi langkah-langkah penggunaan sistem VeDa bagi setiap pengguna yang berdaftar mengikut skop tugas yang telah ditentukan oleh fasiliti masing-masing.

# 4. PELAKSANAAN PROSEDUR

## 4.1 TAJUK PROSEDUR

Tajuk prosedur yang dimaksudkan adalah **'Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia'**.

## 4.2 DEFINISI PROSEDUR

Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan atau atau lebih dikanali sebagai *Verbal Autopsy* (VA) merupakan kaedah pengumpulan maklumat mengenai gejala (simptom) atau keadaan yang dialami oleh seseorang yang telah meninggal dunia di luar premis hospital (di rumah) bagi tujuan menentukan sebab kematian yang paling wajar.

## 4.3 OBJEKTIF PROSEDUR

Meningkatkan peratus kematian disahkan secara perubatan di Malaysia daripada 51.5% (2014) ke arah 80.0% menjelang tahun 2025.

## 4.4 UNDANG-UNDANG BERKAITAN

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 – Akta 299

## 4.5 ANGGOTA YANG TERLIBAT

### 4.5.1 Peringkat KKM

i. Pengarah Kawalan Penyakit
ii. Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit
iii. Timbalan Pengarah Pusat Informatik Kesihatan
iv. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
v. Pegawai NCD di ibu pejabat KKM (Pakar Perubatan Kesihatan Awam / Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kanser, Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit)
vi. Pegawai Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat KKM

### 4.5.2 Peringkat Negeri

i. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
ii. Pegawai Epidemiologi NCD Negeri

#### 4.5.3 Peringkat Daerah / Kawasan / Bahagian

i. Pegawai Kesihatan Daerah/Kawasan/ Bahagian
ii. Pakar/Pegawai Perubatan
iii. Penolong Pegawai Perubatan
iv. Penyelia Jururawat
v. Ketua Jururawat
vi. Jururawat Terlatih
vii. Jururawat Masyarakat
viii. Pembantu Kesihatan Awam

#### 4.5.4 Peringkat Klinik Kesihatan

i. Pakar/Pegawai Perubatan
ii. Penolong Pegawai Perubatan
iii. Penyelia Jururawat
iv. Ketua Jururawat
v. Jururawat Terlatih
vi. Jururawat Masyarakat
vii. Pembantu Kesihatan Awam

## 4.6 KAEDAH PELAKSANAAN

Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia telah dijalankan secara manual sejak ia mula dilaksanakan pada bulan Oktober 2017. Selari dengan sistem atas talian yang telah dibangunkan, semua agensi/fasiliti dan anggota yang terlibat dengan pelaksanaan diminta untuk menggunakan sistem atas talian (VeDa) melalui 4 modul yang dibangunkan iaitu:

1) Modul 1 : Modul Muat Naik
2) Modul 2 : Modul Siasatan
3) Modul 3 : Modul Muat Turun
4) Modul 4 : Modul Laporan

### 4.6.1 Perincian bagi setiap modul

#### 1) Modul 1 : Modul Muat Naik

i. Modul ini hanya boleh diakses oleh JPN dan PIK
ii. JPN memuat naik data kematian secara bulanan
iii. Data yang dimuat naik diasingkan secara automatik oleh sistem dan boleh terus diakses oleh PKD/PKK/PKB.
iv. Peranan PIK : Memandangkan wujud pensempadanan serta poskod yang kurang jelas antara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor, data kematian untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) tidak dapat diasingkan secara automatik oleh sistem dan oleh itu pangasingan data dilakukan secara manual di peringkat ibu pejabat. Begitu juga dengan negeri Melaka, oleh kerana wujud pelaporan kes kematian yang hanya menyatakan lokasi di Melaka bagi Daerah Melaka Tengah, data dari JPN juga tidak dapat diasingkan secara automatik dan akan dilakukan secara manual di peringkat ibu pejabat. Bagi kedua-dua negeri/wilayah ini, pihak ibu pejabat KKM akan memuat naik data selepas pengasingan selesai dilakukan untuk diakses oleh PKD yang berkenaan.

## 2) Modul 2 : Modul Siasatan

i. Hanya pegawai di lapangan yang terlibat secara langsung dan berdaftar menggunakan emel rasmi KKM sahaja boleh mengakses modul ini dan ia terhad kepada skop tugas yang telah ditentukan.

ii. Melakukan siasatan kes NMCD dengan menjalankan temuramah kepada waris si mati / pemaklum menggunakan borang soal selidik WHO yang telah diadaptasi dan dilakukan validasi untuk digunakan di Malaysia serta telah dijadikan sebagai *e-form* dalam sistem VeDa.

   a) *e-form* 12 tahun dan ke atas (eVA 01/2017)

   b) *e-form b*awah 12 tahun (eVA 02/2017 pindaan 01/2022)

iii. Menentukan sebab kematian paling wajar (sebab kematian utama dan *underlying*) mengikut format WHO

iv. Mengesahkan sebab kematian paling wajar

v. Mengkodkan sebab kematian mengikut ICD-10

vi. Mengesahkan sebab kematian mengikut ICD-10

vii. Pegawai dan peranan yang ditetapkan bagi Modul Siasatan adalah adalah:

   a) **Pegawai Penyelaras Program VA** (LO) - di PKD/PKK/PKB dan di KK

   b) **Pegawai Siasatan** (di KK atau *PKD/ PKK/PKB) menjalankan temuramah menggunakan *e-form.*

c) **Pegawai Penentu Sebab Kematian** (di KK atau *PKD/PKK/PKB) – menyemak maklumat hasil dari temuramah yang dijalankan dan menentukan sebab kematian paling wajar (MO1).

d) **Pegawai Pengesah Sebab Kematian** (di KK atau *PKD/PKK/PKB – menyemak sebab kematian yang telah ditentukan oleh Pegawai Penentu dan mengesahkan sebab kematian tersebut sekiranya ia adalah yang paling sesuai dan tepat (MO2/Pakar Perubatan).

e) **Pengawai Pengkodan ICD-10** di PIK

*Ini adalah bagi PKD/PKK/PKB yang menjalankan sendiri siasatan/temuramah dan tidak mengagihkan kes ke KK

viii. Siasatan hanya boleh dilakukan dengan menemuramah waris simati. Semakan rekod simati di pejabat rekod hospital atau klinik kesihatan tidak dibenarkan kerana ia akan menimbulkan bias maklumat. Wujud kemungkinan bahawa simati meninggal dunia bukan akibat dari penyakit yang dialami sebelum itu.

ix. Temuramah dijalankan oleh pasukan VA di Klinik Kesihatan (atau PKD/PKK/PKD yang memilih untuk tidak mengagihkan kes ke klinik kesihatan dan melakukan sendiri siasatan) sama ada dengan cara:

a) *Panggilan telefon – ini adalah bagi kes-kes yang dibekalkan nombor telefon pemaklum oleh JPN. Panggilan telefon perlu dilakukan menggunakan telefon jabatan pada hari dan waktu bekerja.
b) Bersemuka – ini adalah bagi kes-kes yang tidak dibekalkan nombor telefon oleh JPN

x. Semua maklumat yang diperlukan di dalam e-borang soal selidik VeDa hendaklah dlengkapkan dan jalankan temuramah mengikut aliran arahan (*command*) yang diberi. Ini termasuk soalan *open-ended questionnaire* di peringkat awal.

xi. Setelah siasatan selesai dan temuramah berjaya dijalankan, Pegawai/Pakar Perubatan yang ditugaskan sebagai Pegawai Penentu Sebab Kematian perlu menyemak maklumat hasil temuramah dan menggunakan maklumat yang diperolehi untuk menentukan sebab kematian yang paling wajar.

xii. Setelah selesai menentukan sebab kematian paling wajar, Pegawai Penentu perlu menyatakan nombor daftar Majlis Perubatan Malaysia (MMC) di ruang yang disediakan dan menghantar maklumat hasil siasatan VA kepada Pegawai Pengesah di KK.

xiii. Pegawai Pengesah perlu menyemak sebab kematian paling wajar yang telah ditentukan oleh Pegawai Penentu dan mengesahkan maklumat yang tertera di dalam sistem VeDa, seterusnya

menghantar maklumat kepada Pegawai Penyelaras VA di KK untuk dihantar ke Pegawai Penyelaras VA di PKD/PKK/PKB.

xiv. Pegawai Penentu Sebab Kematian, Pegawai Pengesah, Pegawai Penyelaras VA KK dan Pegawai Penyelaras VA PKD/PKK/PKB boleh mengarahkan siasatan dilakukan semula sekiranya tidak berpuas hari dengen hasil VA yang diperolehi.

xv. **LO** di PKD/PKK/PKB perlu menyemak hasil siasatan VA yang dijalankan di daerah sebelum menghantar maklumat kes NMCD yang telah berjaya dilakukan verifikasi beserta sebab kematian paling wajar kepada PIK untuk dikodkan mengikut ICD-10.

### 3) Modul 3 : Modul Muat turun

DOSM muat turun data kematian yang dilakukan VA dan telah dikodkan mengikut ICD-10 untuk digunakan di dalam penerbitan tahunan Statistik Sebab Kematian di Malaysia.

### 4) Modul 4 : Modul Laporan

Mangandungi paparan-paparan (*dashboard*) jumlah kematian NMCD serta prestasi pelaksaan VA mengikut tempoh, lokasi dan fasiliti / agensi.

## 4.7 CARTA ALIR PROSES VERIFIKASI DATA KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN




*WPKL dan Melaka data kematian akan dimuatnaik selepas diasingkan kepada daerah secara manual oleh PIK

**kaedah dilaksanakan rentetan dari situasi pandemik Covid-19 yang berlaku dan akan dikekalkan sekiranya kualiti siasatan secara panggilan telefon adalah baik

# 5. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Bagi tujuan melancarkan proses pelaksanaan sistem ini, setiap pegawai dan anggota yang terlibat adalah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang disenaraikan.

## 5.1 Pengarah Kawalan Penyakit / Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (PTB)

i. Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan di peringkat KKM; dan
ii. Memastikan Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan dilaksanakan berterusan di seluruh negara mengikut prosedur yang ditetapkan.

## 5.2 Unit Pencegahan dan Kawalan Penyakit Kanser, Cawangan NCD, Bahagian Kawalan Penyakit, Ibu Pejabat KKM (IPKKM)

### a) Pakar Perubatan Kesihatan Awam

i. Bertanggungjawab kepada pelaksanaan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di seluruh negara (intra-inter agensi) termasuk sistem VeDa
ii. Bertindak sebagai pegawai yang membuat penilaian pencapaian / kualiti pelaksanaan program dan menyediakan usul polisi baru sekiranya diperlukan serta mendapatkan

kelulusan pegawai-pegawai atasan di KKM bagi menambahbaik pelaksanaan program.

iii. Menyelaras kerjasama berterusan antara KKM dan agensi-agensi lain di luar KKM (JPN, DOSM)

iv. Berkerjasama dengan pegawai-pegawai lain di IPKKM :
   - Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
   - Bahagian Perancangan (Pusat Informatik Kesihatan) IPKKM
   - Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK)

v. Bertindak sebagai Penyelaras Bersama / *Co-Manager* kepada sistem atas talian Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan (VeDa).

vi. Memastikan data dari JPN bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKWPKL) dan Melaka diasingkan mengikut daerah secara manual sebelum dimuat naik ke dalam sistem oleh PIK.

vii. Mengakses sistem atas talian secara berterusan bagi memantau maklumat-maklumat pelaksanaan di lapangan melalui modul laporan:
   - Jumlah kes yang berjaya disiasat (secara telefon atau bersemuka)
   - Jumlah kes yang berjaya dikodkan ke ICD 10 oleh PIK
   - Jumlah kes yang tidak berjaya dilakukan sisasatan dan sebabnya

viii. Memberi input teknikal kepada mana-mana agensi / pegawai yang memerlukan.
ix. Menjalankan lawatan pemantauan / penyeliaan ke negeri / daerah / KK tertentu mengikut keperluan.
x. Menganjurkan bengkel / latihan peringkat kebangsaan kepada anggota terlibat.
xi. Menyelia / melibatkan diri dalam sesi latihan / taklimat di peringkat negeri sekiranya diperlukan.
xii. Memastikan permohonan untuk pengguna baru sistem di daftar'kan mengikut peringkat akses yang bersesuaian.
xiii. Memastikan akses kepada sistem VeDa bagi pegawai-pegawai yang tidak lagi terlibat dalam pelaksanaan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan dibatalkan.
xiv. Memberi peringatan kepada semua pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan prosedur dan sistem VA supaya kerahsiaan maklumat simati dan waris simati dipatuhi setiap masa.
xv. Bekerjasama dengan agensi penyelidikan tertentu bagi kajian-kajian sama ada berkaitan dengan sistem yang dilaksanakan mahu pun yang melibatkan pengunaan data yang diperolehi dari pelaksanaan prosedur / sistem VA.

**b) Ketua Jururawat**

i. Bertindak sebagai Pengurus kepada sistem atas talian Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan (VeDa).
ii. Mendaftarkan permohonan untuk pengguna baru sistem mengikut peringkat akses yang ditentukan oleh fasiliti di lapangan.
iii. Membatalkan akses kepada pegawai-pegawai yang tidak lagi terlibat dalam pelaksanaan Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan.
iv. Memastikan data dari JPN bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKWPKL) dan Melaka diasingkan mengikut daerah secara manual sebelum dimuat naik ke dalam sistem oleh PIK.
v. Mengakses sistem atas talian secara berterusan bagi:
    - memastikan semua data NMCD yang dimuat naik ke dalam sistem boleh diakses oleh pegawai yang berkenaan di Pejabat Kesihatan Daerah / Kawasan / Bahagian (PKD/PKK/PKB).
    - Memantau maklumat-maklumat pelaksanaan di lapangan melalui modul laporan.
    - Jumlah kes yang berjaya disiasat (secara telefon atau bersemuka)
    - Jumlah kes yang berjaya dikodkan ke ICD 10 oleh PIK
    - Jumlah kes yang tidak berjaya dilakukan sisasatan dan sebabnya

   - Boleh mengakses atau melihat data kes yang dihantar ke PKD/PKK/PKB.

vi. Turut menjalankan lawatan pemantauan / penyeliaan ke negeri / daerah / KK tertentu mengikut keperluan.
vii. Menjadi urusetia mesyuarat dengan agensi-agensi terlibat.
viii. Membantu penganjuran bengkel / latihan peringkat kebangsaan kepada anggota terlibat.
ix. Melibatkan diri dalam sesi latihan / taklimat di peringkat negeri sekiranya diperlukan.

### 5.3 Timbalan Pengarah Pusat Informatik Kesihatan (PIK)

i. Memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan di PIK mengases modul yang berkaitan di dalam sistem VeDa secara berterusan.
ii. Memastikan rekod daftar kematian bagi JKWPKL dan Melaka yang dimuat naik oleh JPN diakses dan diasingkan mengikut daerah yang berkenaan dan dimuatnaik ke dalam sistem VeDa.
iii. Memastikan setiap rekod daftar kematian yang telah dilakukan verifikasi beserta sebab kematian paling wajar (*most probable cause of death*) dan dihantar oleh PKD/PKK/PKB di dalam sistem VeDa boleh diakses.
iv. Memastikan pengkodan ICD-10 dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan. bagi kes-kes yang telah dihantar oleh PKD/PKK/PKB di dalam sistem VeDa.
v. Memastikan maklumat ICD-10 bagi kes-kes yang telah dikodkan disahkan bagi membolehkan pihak DOSM memuat turun data-data berkenaan.

vi. Mengakses secara berkala komponen-komponen laporan yang berkaitan.

## 5.4 SUB Bahagian Pengurusan Maklumat

i. Memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan di BPM memantau semua modul di dalam sistem VeDa secara berterusan.
ii. Memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan di BPM Melakukan *trouble shoot* dan membaik pulih mana-mana komponen dalam sistem yang dikenalpasti mengalami masalah.
iii. Memantau perjalanan sistem berjalan lancar mengikut KPI yang telah ditetapkan.
iv. Bertindak sebagai pegawai yang membuat penilaian pencapaian / kualiti pelaksanaan program.

## 5.5 Pegawai Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat KKM

i. Memantau sistem yang dibangunkan supaya sentiasa boleh diakses oleh semua pegawai yang berdaftar dan berfungsi dengan baik.
ii. Melakukan *trouble shoot* dan membaik pulih mana-mana komponen dalam sistem yang dikenalpasti mengalami masalah.
iii. Memberi taklimat / latihan kepada pagawai-pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan sama ada di peringkat kebangsaan, negeri atau daerah mengenai tatacata penggunaan sistem atas talian Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan mengikut keperluan.

iv. Memantau, menyelenggara dan memastikan Pengkalan Data sistem berjalan lancar dan sentiasa dikemaskini secara berterusan.

## 5.6 Pengarah Institut Kesihatan Umum (IKU)

i. Melaksanakan kajian / memberi input kepakaran dalam kajian-kajian yang berkaitan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan yang dilaksanakan di Malaysia.

ii. Membantu dalam anjuran latihan bagi komponen *Verbal Autopsy WHO Method* semasa bengkel atau latihan kepada anggota yang terlibat mengikut keperluan.

## 5.7 Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Memastikan pelaksanaan program dan sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan berjalan lancar di negeri masing-masing.

## 5.8 Pegawai Epidemiologi NCD Negeri

i. Memantau pelaksanaan program Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di peringkat negeri dan daerah.

ii. Mengkases sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan atas talian secara berterusan bagi memantau status pelaksanaan program di peringkat negeri yang melibatkan siasatan (temuramah secara panggilan telefon / bersemuka) dan penentuan sebab kematian paling wajar dilaksanakan di semua daerah.

iii. Menjadi pegawai rujukan di peringkat negeri bagi program Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan yang dilaksanakan.
iv. Menganjurkan kursus / bengkel / taklimat di peringkat negeri.
v. Melibatkan Pegawai Kesihatan Primer di JKN untuk sama-sama memantau pelaksanaan di lapangan.

## 5.9 Pegawai Kesihatan Primer Negeri

Bersama-sama Pegawai Epidemiologi NCD Negeri memantau pelaksanaan program di peringkat negeri, daerah dan klinik-klinik kesihatan.

## 5.10 Pegawai Kesihatan Daerah/Kawasan/Bahagian

i. Memastikan program Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan berjalan lancar di peringkat daerah.
ii. Memastikan program di daerah dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan.
iii. Mengenal pasti serta melantik Pakar / Pegawai Perubatan di setiap PKD/PKK/PKB untuk menjadi pegawai penyelaras (*focal person / Liaison Officer*) program Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan bagi peringkat daerah.
iv. Bertanggungjawab melantik Pakar Perubatan Keluarga atau *senior MO* sebagai Pegawai Penentu dan Pegawai Pengesah sebab kematian paling wajar.
v. Bagi PKD/PKK/PKB yang menjalankan sendiri siasatan, Pegawai Kesihatan Daerah / Kawasan / Bahagian boleh bertindak sebagai pegawai yang

menyemak maklumat yang diperolehi melalui verifikasi (temuramah) dan memuktamadkan penyebab kematian yang sewajarnya secara atas talian.

vi. Memastikan rekod daftar kematian yang diterima di dalam sistem VeDa diasingkan mengikut klinik kesihatan / kawasan operasi / oleh Pegawai Penyelaras (LO) di daerah.

vii. Memastikan kes untuk pindah keluar dihantar semula secara atas talian kepada daerah yang berkenaan di negeri yang sama atau negeri lain.

viii. Memastikan kes pindah masuk yang dihantar oleh daerah lain melalui VeDa diterima dan dilakukan verifikasi data penyebab kematian di lapangan;

ix. Membentuk/memastikan pasukan VA dibentuk di peringkat daerah dan klinik kesihatan yang diketuai oleh Pegawai Perubatan untuk menjalankan siasatan kematian di luar hospital;

x. Memantau pelaksanaan sistem di peringkat daerah / kawasan / bahagian;

xi. Memastikan kes-kes kematian yang telah dilakukan verifikasi oleh pasukan VA disemak dan disahkan secara atas talian melalui Sistem VeDa oleh Pakar / Pegawai Perubatan yang dilantik / diberi tanggungjawab serta disiapkan dalam tempoh yang ditentukan sebelum dihantar ke KKM (PIK) untuk tujuan pengkodan ICD-10.

xii. Memastikan kes-kes kematian yang telah telah dilakukan verifikasi dan diberi sebab kamatian dikembalikan kepada Pegawai Penyelaras di KK untuk

semakan semula sekiranya PKD/PKK/PKB tidak berpuas hati dengan sebab kematian yang diberi.

### 5.11 Pegawai Perubatan Yang Menjaga Program (Penyelaras) di PKD/PKB/PKK

i. Menyelia Pasukan Verifikasi Data Penyebab Kematian (PVDPK / VA) di peringkat daerah.
ii. Mengasingkan senarai rekod daftar kematian yang diterima mengikut klinik kesihatan / kawasan operasi dan menghantar senarai tersebut kepada klinik berkaitan melalui sistem VeDa.
iii. Mengenal pasti Pakar / Pegawai Perubatan di setiap klinik kesihatan untuk menjadi Pegawai Penyelaras program Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan.
iv. Memastikan klinik-klinik kesihatan yang berkaitan melaksanakan program VA mengikut tatacara yang ditetapkan.
v. Perlu mahir mengendali sistem VeDa dan menjadi Pegawai Rujukan di peringkat Daerah.
vi. Menganjur sesi latihan / taklimat pelaksanaan VA di peringkat Daerah / Kawasan / Bahagian sekurang-kurangnya sekali setahun untuk pegawai-pegawai yang terlibat.
vii. Boleh bertindak sebagai Pegawai Siasatan sekiranya pihak PKB/PKK/PKD memilih untuk menjalankan sendiri sisatan VA di prtingkat PKB/PKK/PKD dan bukan oleh KK.

### 5.12 Pakar Perubatan / Pegawai Perubatan / Pegawai Kesihatan Daerah yang telah dilatih dan dilantik untuk menentukan penyebab kematian paling wajar (Pegawai Penentu)

i. Menyemak maklumat (hasil temuramah) di borang soal selidik atas talian (*e-form*) yang dihantar oleh Pegawai Siasatan VA.
ii. Menentukan sebab kematian yang paling wajar termasuk *underlying cause of death* mengikut format seperti di sistem atas talian (VeDa).
iii. Memasukkan nombor MPM (MMC) di ruang yang disediakan.
iv. Menghantar maklumat tersebut (menggunakan e-Borang *Cause of Death)* melalui VeDa kepada Pegawai Pengesah di KK (atau PKD/PKK/PKB bagi yang memilih untuk tidak mengagihkan kes ke KK).

### 5.13 Pakar Perubatan / Pegawai Perubatan / Pegawai Kesihatan Daerah bertindak sebagai Pegawai Pengesah untuk mengesahkan sebab kematian yang telah ditentukan oleh Pegawai Penentu

i. Menyemak sebab kematian yang paling wajar termasuk *underlying cause of death* berdasarkan maklumat yang ada di dalam VeDa.
ii. Mengesahkan sebab kematian baru (hasil dari VA) sekiranya berpuasa hati dengan sebab kematian yang ditentukan oleh Pegawai Penentu dan menghantar kepada Pegawai Penyelaras di KK (atau PKD/PKK/PKB bagi yang memilih untuk tidak mengagihkan kes ke KK).

### 5.14 Pegawai Perubatan / Penolong Pegawai Perubatan / Jururawat Terlatih

i. Menjalankan temuramah /siasatan verifikasi data penyebab kematian menggunakan borang soal-selidik *e-form* berdasarkan senarai rekod daftar kematian yang diterima secara bulanan dari JPN melalui sistem dan makluman melalui e-mel.

ii. Kaedah yang digunakan bagi menjalankan siasatan / temuramah:

   a) Secara panggilan telefon menggunakan telefon rasmi Jabatan/KK bagi kes-kes yang dibekalkan nombor telefon, atau

   b) secara bersemuka bagi kes-kes tidak dibekalkan nombor telefon.

### 5.15 Penyelia Jururawat

Menyelaras pelaksanaan aktiviti siasatan / temuramah yang perlu dilakukan di luar waktu pejabat kerana melibatkan tuntutan lebih masa (OT).

### 5.16 Jururawat Masyarakat / Pembantu Kesihatan Awam

i. Membantu mengenal pasti alamat tempat kediaman waris / pemaklum bagi kes-kes yang memerlukan siasatan / temuramah secara bersemuka.

ii. Pergi ke tempat kediaman waris / pemaklum bersama pegawai yang menjalankan temuramah verifikasi data kematian secara bersemuka sekiranya diperlukan, dan

iii. Membawa sebarang dokumen yang diketahui berkaitan si mati bagi kes yang sukar dikesan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Kampung atau Rukun Tetangga.

## 6. RETEN

a) Dengan wujudnya sistem atas talian bagi Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan, reten secara manual yang digunakan sebelum ini dimansuhkan.

b) Pemantauan pelaksanaan VA dilakukan secara atas talian menggunakan pelaporan yang dijana secara automatik melaui paparan *dashboard* di Modul 3 sistem VeDa

*Pemantauan pelaksanaan VA melalui lawatan lapangan dilakukan mengikut keperluan.

## 7. SISTEM ATAS TALIAN VERIFIKASI DATA KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN (VeDa)

Sistem atas talian Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan dibangunkan dengan tujuan untuk melancarkan pelaksanaan prosedur VA secara keseluruhan.

Hanya pegawai yang terlibat secara langsung dan berdaftar dengan pemilik sistem iaitu BKP menggunakan emel rasmi

KKM boleh mengakses sistem mengikut modul dan tugasan yang ditentukan.

Penjelasan lanjut mengenai tatacara penggunaan VeDa dinyatakan di dalam BAB 2 buku panduan ini.

## 8. SENARAI RUJUKAN

a) Jabatan Perangkaan. Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian Malaysia 2018
b) Jabatan Perangkaan. Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian Malaysia 2019
c) Jabatan Perangkaan. Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian Malaysia 2020
d) Jabatan Perangkaan. Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian Malaysia 2020

# BAB 2: MANUAL PENGGUNA BAGI SISTEM VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA (VeDa)

## 1. Peranan Pengguna di Pejabat Kesihatan Daerah /Kawasan / Bahagian (PKD/PKK/PKB) dan Klinik Kesihatan (KK)

| Peranan | Kategori |
|---|---|
| Pengguna Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) | 1. Pegawai Penyelaras VA (Pegawai Perubatan MO1)<br>2. Pegawai Siasatan (MO1/PPP/JT)<br>3. Pegawai Penentu COD (MO1)<br>4. Pegawai Pengesah COD (FMS/MO2) |
| Pengguna Klinik Kesihatan (KK) | 1. Pegawai Penyelaras VA (Pegawai Perubatan MO1)<br>2. Pegawai Siasatan (MO1/PPP/JT)<br>3. Pegawai Penentu COD (MO1)<br>4. Pegawai Pengesah COD (FMS/MO2) |

## 2. Carta Alir Modul Tugasan di PKD/PKK/PKB



# 3. Carta Alir Modul Tugasan di Klinik Kesihatan (KK)



## 4. Capaian ke Sistem VeDa

Pengguna boleh mengakses Sistem VeDa melalui pautan berikut:
http://veda.moh.gov.my

Skrin Hadapan Sistem VeDa akan dipaparkan seperti berikut:



# 5. Tatacara Log Masuk / Tukar Kata Laluan / Lupa Kata Laluan

## 5.1 Log Masuk




a) Masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan yang telah didaftarkan oleh Pentadbir Sistem dan klik butang **Login**. (***ID Pengguna adalah No. Kad Pengenalan pengguna)*



## 5.2 Tukar Kata Laluan

a) Bagi pengguna kali pertama log masuk, kata laluan adalah *default password* yang diberikan oleh Pentadbir Sistem melalui emel.

b) Pengguna akan diminta untuk menukar kata laluan yang baru sebaik berjaya log masuk ke sistem.

c) Skrin Profil Pengguna akan dipaparkan seperti berikut:



d) Pengguna perlu mencipta kata laluan yang baru dan sahkan kata laluan tersebut.
e) Klik butang **Simpan** untuk menyimpan kata laluan yang baru tersebut.
f) Pengguna akan di log keluar dan pengguna perlu log masuk semula menggunakan kata laluan yang baru.
g) Skrin Log Masuk akan dipaparkan dengan notifikasi "Katalaluan berjaya ditukar. Sila login semula"




## 5.3 Lupa Kata Laluan



a) Klik pada pautan **Lupa Kata Laluan**. Skrin Lupa Kata Laluan akan dipaparkan.
b) Pengguna perlu mengisi ID Pengguna dan alamat emel yang didaftarkan.
c) Seterusnya klik butang **Tukar Kata Laluan**. Kata laluan yang baru akan dihantar ke emel pengguna.

*(**Sistem hanya menerima alamat emel rasmi kerajaan sahaja. Cth: ****@moh.gov.my)*







LUPA KATA LALUAN SISTEM VeDa

Bahagian Kawalan Penyakit, KKM (vedakkm@moh.gov.my)

Tu 05/04/21 17:10

Copy to TeamChat

Tuan

**PEMBERITAHUAN MAKLUMAN LUPA KATA LALUAN SISTEM VERIFIKASI PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN (VeDa)**

Sukacita dimaklumkan maklumat katalaluan sementara tuan/puan adalah seperti berikut :

ID Pengguna : **212121212121**

Kata Laluan : **password1234**

Anda dinasihatkan menukar kata laluan sementara yang telah diberikan oleh pihak pentadbir.

Sila login ke sistem VeDa di: http://veda.moh.gov.my

Sekian, terima kasih.

Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



## 5.4 Log Keluar




Untuk log keluar sistem, klik anak panah pada **Nama Fasiliti** di bahagian atas kanan skrin dan pilih **Log Keluar.**

# 6. Tatacara Pengguna di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

## 6.1 Muat Naik Kes

a) Setelah log masuk, Skrin *Dashboard* akan dipaparkan.
b) Dalam menu Tugasan, klik pada link **Muat Naik**. Skrin Muat Naik Data akan dipaparkan di ruangan kanan skrin.
c) Isikan **Tahun** dan **Bulan** maklumat si mati.
d) Klik butang ***Browse*** untuk memuat naik fail maklumat si mati. Pastikan fail yang dimuat naik adalah dalam format **.csv.
e) Seterusnya, klik butang **Muat Naik** untuk menyimpan dan menghantar fail kepada Pentadbir Sistem di PIK.



### 6.2 Jana Laporan

a) Setelah log masuk, Skrin *Dashboard* akan dipaparkan.
b) Dalam menu Laporan, klik pada link **JPN**. Skrin Laporan akan dipaparkan di ruangan kanan skrin.
c) Isikan **Tahun** dan **Bulan** maklumat si mati.
d) Seterusnya, klik butang **Jana Laporan** untuk menjana laporan yang dimohon. Laporan yang dijana adalah dalam format **.pdf.




## 7. Tatacara Pengguna di Pusat Informatik Kesihatan (PIK), KKM

### 7.1 Muat Turun Kes

a) Setelah log masuk, Skrin *Dashboard* akan dipaparkan.
b) Dalam menu Tugasan, klik pada link **Muat Turun**. Skrin Muat Turun Data akan dipaparkan di ruangan kanan skrin.
c) Pilih **Tahun** dan **Bulan** bagi data yang diperlukan.

d) Klik butang **Muat Turun Data** untuk memuat turun fail maklumat si mati dan *Save* fail tersebut ke dalam komputer.




## 7.2 Agih Kes

a) Setelah log masuk, Skrin *Dashboard* akan dipaparkan.

b) Dalam menu Tugasan, klik pada link **Agihan Kes**. Skrin Agihan Kes akan dipaparkan di ruangan kanan skrin. Senarai nama si mati yang diterima dari JPN akan dipaparkan untuk tindakan selanjutnya.




c) Klik pada **No.K.P** si mati untuk melihat maklumat lengkap si mati atau;

d) Klik pada **ikon pensel** dalam kolum Tindakan untuk mengagihkan kes kepada PKD yang berkaitan.



e) Skrin Semak dan Agih Kes Mengikut PKD akan terpapar seperti rajah dibawah.
f) Pilih **Negeri** dan **PKD** yang berkaitan.
g) Seterusnya klik butang Agih untuk mengagihkan kes.




